

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2019/08/26 - 38

GOLONGAN MISKIN DISANTUNI MENERUSI PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL LHDNM

Kelantan, 25 Ogos 2019 - Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) meneruskan usaha menyantuni masyarakat melalui Program Tanggungjawab Sosial anjuran Pejabat Pengarah Negeri Terengganu/Kelantan (PPNTK) dan Cawangan Kota Bharu (CKB). LHDNM menunjukkan rasa keprihatinannya terhadap keluarga Puan Siti Hamidah Abdul Aziz yang kisahnya pernah di siarkan dalam media massa beberapa hari yang lepas.

Program yang dihadiri oleh Encik Kamarudin Hashim, Pengarah Negeri PPNTK ini diadakan bagi membantu insan-insan yang memerlukan dan bertujuan untuk menyebarkan mesej kasih sayang dalam kalangan warga kerja LHDNM terhadap masyarakat setempat.

Majlis tersebut menyaksikan penyerahan sumbangan barangan dapur dan wang tunai kepada keluarga Puan Siti Hamidah. Sumbangan ikhlas ini adalah

daripada seluruh warga kerja LHDNM di bawah seliaan PPNTK iaitu Cawangan Kuala Terengganu dan Cawangan Kota Bharu.

Program ini turut dihadiri oleh Encik Shaufee Salleh (Pengarah Cawangan Kota Bharu), Encik Wan Roslan Wan Ismail, (Pengarah Seksyen, Bahagian Penyelarasan, PPNTK) dan pegawai-pegawai LHDNM.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 / 21695 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Careline : 1-800-88-5436 (LHDN)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 26 Ogos 2019



/LHDNM



@LHDNMOfficial



LHDNM



lhdnTube



Gambar 1: Sumbangan barangan dapur dan wang tunai telah diserahkan kepada Puan Siti Hamidah Abdul Aziz oleh Encik Kamarudin Hashim, Pengarah Negeri Terengganu/Kelantan, disaksikan oleh pegawai-pegawai kanan LHDNM.



Gambar 2: Sumbangan barangan dapur dan wang tunai anjuran Pejabat Pengarah Terengganu/Kelantan